

**UCAPAN OLEH ENCIK MUHD FAIZ EDWIN IGNATIOUS
KETUA DELEGASI, MISI HAJI SINGAPURA 1432H / 2011
DI MAJLIS TAKLIMAT HAJI 2011
SABTU, 1 OKTOBER 2011
SINGAPORE EXPO HALL 3**

Bismillah hirrahman nirrahim

Yang Dihormati
Hj Abdul Razak Maricar
Setiausaha, Majlis Ugama Islam Singapura

Yang Terutama, His Excellency
Dr Jamil Mahmoud Mohamed Merdad
Duta Besar, Kedutaan Arab Saudi di Singapura

Yang Dihormati
Hj Zainul Abidin Rasheed
Penaung, Persatuan Agensi Pelancongan Islam Singapura (AMTAS)

Ustaz Tengku Mohd Fouzy Bin Tengku Mohd Jumat
Presiden, AMTAS

Hj Shafawi Ahmad
Pengerusi, Jawatankuasa Haji Muis

Para Anggota Jawatankuasa Haji Muis

Para Eksko dan Anggota AMTAS

Para Anggota Misi Haji Singapura 1432H / 2011

Para Bakal Jemaah Haji

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian

Assalamualaikum Wr Wb

Kata-kata Aluan

Bagi pihak Majlis Ugama Islam Singapura dan AMTAS, saya ingin mengalu-alukan kedatangan tuan-tuan dan puan-puan ke Taklimat Haji 1432H / 2011. Saya ingin mengucapkan setinggi terima kasih kepada semua bakal jemaah haji kerana sudi menerima undangan kami pada pagi ini.

2 Taklimat Haji anjuran AMTAS dan disokong Muis ini bertujuan untuk memberi maklumat terkini dan panduan berguna kepada jemaah haji kita. Topik-topik seperti persiapan jemaah, perjalanan dan nasihat kebajikan, keselamatan, kesihatan dan keagamaan akan disampaikan untuk jemaah kita membuat persiapan terakhir sebelum berangkat ke Tanah Suci.

3 Pada musim Haji tahun ini, penerbangan pertama jemaah Haji Singapura dijadualkan berangkat pada 5 Oktober manakala penerbangan terakhir jemaah kita dijadualkan berangkat pada 2 November.

4 Saya ingin mengucapkan tahniah kepada anda sekalian, para bakal haji dan hajjah, kerana terpilih untuk menjadi Tetamu Allah.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Kuota Haji dan Tempat Tambahan

5 Alhamdulillah, Kerajaan Arab Saudi telah meluluskan 1,500 tempat tambahan melebihi kuota rasmi Singapura iaitu 680, menjadikan jumlah penuh 2,180 pada tahun ini. Pada setiap tahun, Menteri kita Dr Yaacob Ibrahim, berusaha untuk mendapatkan tempat tambahan agar lebih banyak masyarakat Islam Singapura dapat menunaikan haji.

6 Jemaah haji Singapura amat berterima kasih kepada Kerajaan Arab Saudi kerana memenuhi permintaan Menteri kita pada setiap tahun. Kita juga menghargai budi baik Duta Besar Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Dr Jamil Mahmoud Merdad kerana membantu dan menyokong usaha kita untuk mendapatkan tempat tambahan.

(Thank you, Your Excellency for assisting us to get the additional places to enable more Singaporean pilgrims to perform haj).

7 Secara purata, jangka masa menunggu bagi jemaah haji Singapura kali pertama adalah sekitar dua hingga tiga tahun sahaja. Kita bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana mempermudah dan mengkabulkan doa kita untuk melaksanakan rukun Islam ke-5. Alhamdulillah.

Hadirin hadirat sekalian,

Misi Haji Singapura 1432H / 2011

8 Pada musim Haji 1432H / 2011, Muis akan menghantar satu Misi Haji Singapura yang terdiri daripada 29 orang. Misi ini akan diketuai oleh saya sendiri dan dibantu oleh 2 orang Pegawai Haji Muis, 5 orang doktor, 16 orang jururawat dan 5 orang Penolong Pegawai Haji yang dilantik Muis untuk memberi khidmat perubatan dan kebajikan kepada jemaah haji kita semasa di Tanah Suci. Jumlah ini termasuk tambahan seorang doktor, dua orang jururawat dan seorang Penolong Pegawai Haji disebabkan jumlah jemaah haji yang lebih ramai pada tahun ini.

9 Saya berharap para jemaah akan memberikan sokongan dan kerjasama kepada Misi Haji Singapura jika diminta. Hubungilah kami sekiranya anda menghadapi masalah yang tidak dapat diselesaikan semasa di Tanah Suci. Insya Allah, mereka akan berusaha sedaya upaya untuk membantu anda.

10 Pihak Muis, AMTAS dan agensi pelancongan haji (GSA) anda telah bersiap sedia dengan segala persiapan dan langkah kecemasan yang perlu demi keselesaan, keselamatan dan kebajikan jemaah haji kita.

Tuan-tuan dan Puan-puan

Pegawai Perhubungan Jemaah Haji AMTAS

11 Saya dimaklumkan bahawa pada musim Haji tahun ini, AMTAS akan menambah seorang lagi Pegawai Perhubungan Jemaah Haji (atau *Pilgrims' Relation Officer*) menjadikan tiga orang kesemuanya. PRO AMTAS ini berperanan sebagai penyelarasa antara Muis, para agensi pelancongan haji Singapura dan pihak agensi Haji Arab Saudi bagi mengurus jemaah Singapura di Tanah Suci. Saya gembira mendengar berita ini dan ingin mengucapkan setinggi terima kasih kepada AMTAS atas sumbangannya kepada jemaah haji kita.

12 Antara tugas utama para PRO AMTAS ialah mengurus ketibaan jemaah kita di lapangan terbang Jeddah, menyelarasa pengangkutan antara Arafah, Muzdalifah dan Mina, meninjau pergerakan jemaah semasa di Masyair, membantu persiapan kontrak-kontrak untuk tempat tinggal jemaah dan sebagainya.

13 Dengan bantuan tambahan oleh PRO AMTAS, ia akan meningkatkan lagi keupayaan dan keberkesanan AMTAS dalam membantu dan mempermudah jemaah kita untuk menunaikan ibadah mereka, Insya Allah.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Ciri-ciri Masyarakat Islam Cemerlang Singapura

14 Saya diberitahu bahawa tahap disiplin yang tinggi dan sikap baik jemaah haji Singapura sering dipuji oleh pihak berkuasa Arab Saudi. Ia amat membanggakan dan harus dikekalkan. Ia boleh membantu dalam usaha Menteri kita untuk mendapatkan tempat tambahan pada setiap tahun.

15 Semasa di Tanah Suci, kita boleh mempamerkan ciri-ciri masyarakat Islam cemerlang Singapura iaitu **RICAP** - singkatan bagi asas keagamaan yang kukuh (*religious rootedness*), inklusif (*inclusive*), penyumbang (*contributive*), adaptif (*adaptive*) and progresif (*progressive*). Saya berharap sekembalinya jemaah ke tanah air, kita akan terus mengamalkan ciri-ciri mulia ini.

16 Saya dimaklumkan bahawa Muis akan memberi borang Tinjauan Kepuasan Pelanggan (*Customer Satisfaction Survey*) kepada semua jemaah Singapura semasa di Tanah Suci selepas haji. Ia bertujuan untuk mendapatkan maklum balas dan saranan-saranan anda. Saya berharap para jemaah akan membantu Muis dalam tinjauan ini. Ia akan meningkatkan lagi mutu dan tahap khidmat dan sistem pengurusan haji Muis demi kebaikan jemaah haji kita di musim haji akan datang.

Penutup

17 Akhir sekali, bagi pihak Muis dan AMTAS, saya ingin mengucapkan selamat berangkat kepada jemaah haji Singapura ke Tanah Suci. Marilah kita berdoa agar musim haji pada tahun ini berjalan lancar dan Misi Haji Singapura dapat menjalankan tugas mereka dengan jayanya. Semoga Allah SWT mempermudah segala urusan kita dalam melaksanakan ibadah haji dan diberi ganjaran Haji Mabruur, Insya Allah. Amin.

18 Sekian. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum wr wb.